

25 AUG 1999

Setinggalan

HARGA RUMAH KOS RENDAH UNTUK SETINGGAN DI SELANGOR DITURUNKAN

SHAH ALAM, 25 Ogos (Bernama) -- Kerajaan negeri menetapkan bahawa harga rumah kos rendah yang ditawarkan kepada setinggalan di negeri ini akan diturunkan kepada antara RM25,000 dan RM35,000.

Menteri Besar, Datuk Seri Abu Hassan Omar berkata keputusan itu dibuat selaras dengan hasrat kerajaan untuk menjadikan Selangor sebagai negeri sifar setinggalan menjelang tahun 2005.

Katanya sebelum ini harga rumah kos rendah yang ditetapkan ialah RM42,000 bagi kawasan dalam Majlis Perbandaran, RM35,000 bagi kawasan dalam Majlis Daerah dan RM30,000 bagi kawasan luar daripada Majlis Daerah.

Mengikut keputusan baru itu bagi setinggalan yang terpaksa dipindahkan, harga rumah kos rendah yang akan ditawarkan adalah RM35,000 manakala bagi mereka yang tidak perlu berpindah apabila tanah di kawasan tapak rumah mereka dimajukan, rumah yang akan ditawarkan berharga RM25,000, kata Abu Hassan pada persidangan berita selepas mempengerusikan mesyuarat Exco kerajaan negeri hari ini.

"Semua tawaran lain seperti penyediaan rumah panjang untuk sementara waktu, bayaran sugu hati atau bantuan pemindahan masih terus diberikan apabila perlu seperti biasa," katanya.

Sementara itu Abu Hassan berkata acara sambutan Hari Kebangsaan dan Pelancaran Malaysia Seabad Ke Alaf Baru peringkat negeri akan diadakan di Dataran Shah Alam pada malam 30 Ogos ini.

Katanya majlis itu akan dijalankan serentak dengan majlis pelancaran peringkat kebangsaan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Stadium Nasional, Bukit Jalil. Perdana Menteri juga akan mengadakan sidang video dengan semua Menteri Besar dan akan disiarkan melalui TV secara lintas langsung.

Abu Hassan berkata acara perbarisan dan perarakan yang disertai majlis daerah, pejabat daerah dan jabatan kerajaan yang lain akan berlangsung di Dataran Shah Alam pada kira-kira pukul 9 malam, diikuti persembahan kesenian serta pertunjukan pentas.

Beliau juga mengumumkan bahawa Majlis Tilawah Al-Quran peringkat negeri akan diadakan antara 31 Ogos dan 4 Sept di Masjid Negeri, Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah di sini.

Sembilan qari dan lapan qariah akan mengambil bahagian dalam majlis tilawah tahun ini yang bertema "Perpaduan Ummah Membawa Kejayaan" yang akan dirasmikan oleh beliau pada malam 31 Ogos.

Pemangku Raja Selangor, Tengku Idris Shah, akan menghadiri majlis itu pada malam terakhir dan akan menyampaikan hadiah.

Sepanjang majlis tilawah itu juga, satu pameran yang disertai oleh jabatan dan agensi seperti Tabung Haji, Pusat Pungutan Zakat, Jabatan Pendidikan akan diadakan di ruang legar masjid itu antara pukul 10 pagi dan 5 petang.

-- BERNAMA

AZH NMO